



## **Faculty of Applied and Creative Arts**

**ADAT MIRING DALAM PERAYAAN GAWAI SANDAU HARI DALAM  
MASYARAKAT IBAN**

**SUZIE NYINDANG**

**49128**

**Ijazah Sarjana Muda Dengan Kepujian**

**(Pengurusan Seni)**

**2017**

ADAT MIRING DALAM PERAYAAN GAWAI SANDAU HARI DALAM  
MASYARAKAT IBAN

SUZIE NYINDANG

Projek ini merupakan satu keperluan untuk  
Ijazah Sarjana Seni Gunaan dengan Kepujian  
Pengurusan Seni

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

29017

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Grade: \_\_\_\_\_

Please tick (✓)

Final Year Project Report  ✓

Masters

PhD

**DECLARATION OF ORIGINAL WORK**

This declaration is made on the .....day of .....2017.

**Student's Declaration:**

I SUZIE NYINDANG, 49128, FACULTY OF APPLIED & CREATIVE ARTS hereby declare that the work entitle **ADAT MIRING DALAM PERAYAAN GAWAI SANDAU HARI DALAM MASYARAKAT IBAN** is my original work. I have not copied from any other student's work or from any other source except where due reference or acknowledgement is made explicitly in the text nor has any part been written for me by another person.

---

Date submitted

SUZIE NYINDANG (49128)

**Supervisor's Declaration:**

I PROF. MADYA DR. NORIA TUGANG hereby certifies that the work entitled **ADAT MIRING DALAM PERAYAAN GAWAI SANDAU HARI DALAM MASYARAKAT IBAN** was prepared by the above named student and was submitted to the "FACULTY" as a\* partial/fulfillment for the conferment of **BACHELOR OF APPLIED ARTS WITH HONOURS (ARTS MANAGEMENT)**, and the aforementioned to the best of my knowledge, is the said student's work.

Received for examination by : \_\_\_\_\_ date: \_\_\_\_\_  
(Prof. Madya Dr. Noria Tugang)

I declare that Project/Thesis is classified as (Please tick (✓)):

- CONFIDENTIAL** (Contains confidential information under the Official Secret Act 1972\*)
- RESTRICTED** (Contains restricted information as specified by the organization where Research was done)\*
- OPEN ACCESS**

### **Validation of Project/Thesis**

I therefore duly affirmed with free consent and willingness declare that this said Project/Thesis shall be placed officially in the Centre for Academic Information Services with the abiding interest and rights as follows:

- This Project/Thesis is the sole legal property of University Malaysia Sarawak (UNIMAS).
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies for the purpose of academic and research only and not for other purpose.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to digitalize the content for the Local Content Database.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies of the Project/Thesis for academic exchange between Higher Learning Institute
- No dispute or any claim shall arise from the student itself neither third party on this Project/Thesis once it becomes the sole property of UNIMAS.
- This Project/Thesis or any material, data and information related to it shall not be distributed, published or disclosed to any party by the student except with UNIMAS permission.

Student Signature: \_\_\_\_\_ Supervisor Signature: \_\_\_\_\_  
(Suzie Nyindang) (Prof Madya Dr. Noria Tugang)

Current Address:

Note\* If the Project/Thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach together as annexure a letter from the organization with the period and reason of confidentiality and restriction.

[The instrument is duly prepared by The Centre for Academic Information Service]

Catatan :\* Tesis dimaksudkan tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah, Sarjana dan Sarjana Muda

\*\* Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD.

Projek bertajuk “**ADAT MIRING DALAM PERAYAAN GAWAI SANDAU HARI DALAM MASYARAKAT IBAN**” telah disediakan oleh **SUZIE NYINDANG** dan telah diserahkan kepada Fakulti Seni Gunaan Dan Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian **pengurusan seni**.

Diterima untuk diperiksa oleh:

---

(Prof. Madya Dr. Noria Tugang)

Tarikh:

---

## **PENGAKUAN**

Saya mengakui tiada bahagian daripada penyelidikan yang dipamerkan dalam penyelidikan dan Projek Tahun Akhir ini telah digunakan sebagai bahan sokongan untuk sesuatu ijazah atau kelulusan sama ada kepada university ini atau institusi pengajian tinggi (IPT) yang lain.

.....

(SUZIE NYINDANG)  
No. Matrik: 49128

## **PENGHARGAAN**

Puji Tuhan dan syukur kerana atas pertolongan-Nya akhirnya projek tahun akhir saya ini dapat disiapkan dengan sempurna dan teratur. Projek tahun akhir saya ini dapat disiapkan dengan sempurna hasil doa dan berkat dari Tuhan dan segala usaha yang saya curahkan dalam menyiapkannya dengan sempurna. Saya sangat terhutang budi terhadap semua pihak yang telah banyak memberi bantuan dan pertolongan kepada saya sepanjang menjalankan projek tahun akhir saya ini. Dengan kesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga terutamanya terhadap individu yang telah memberikan sumbangan idea-idea bernas sepanjang menjalankan kajian ini.

Ucapan setinggi-tingginya terima kasih ini saya tujukan kepada Profesor Madya Dr Noria Tugang yang tidak pernah jemu dalam memberi bantuan, pertolongan dan mengorbankan masa beliau kepada saya sepanjang menyiapkan projek tahun akhir ini. Sesunguhnya, saya tidak akan melupakan segala jasa, pertolongan, dan bantuan yang telah beliau berikan sepanjang saya meyiapkan projek tahun akhir ini.

Terima kasih tidak terhingga juga saya ucapakan kepada informan-informan dari Rumah Panjang Nanga Delok Ulu, Batang Ai dan Rumah Panjang Tapang Pungga Ulu, Batang Ai yang telah banyak membantu saya dalam memberikan sumber maklumat mengenai bidang kajian yang dijalankan. Terima kasih saya ucapkan kepada informan saya iaitu Encik Nyindang Anak Belayong, Encik Long Anak Mang, Encik Ipang Anak Akau, Encik Agang Anak Ngayong, Encik Janda Anak Silong, Encik Belansai Anak Ijok, Puan Buban Anak Janggin, Puan Meranja Anak Mon, Puan Ranchi Anak Ningkan, dan Puan Luin Anak Reba atas jasa mereka dalam memberikan sumber maklumat kepada saya.

Ucapan terima kasih juga saya ucapkan kepada ahli keluarga saya atas sumbangan memberikan maklumat sebanyak mungkin dalam melengkapkan sumber data dalam projek tahun akhir yang saja jalankan ini. Terima kasih saya ucapan kepada kedua-dua ibu bapa saya yang telah banyak memberi dorongan dan sokongan sepanjang kajian lapangan dijalankan di lokasi kajian saya. Di samping itu, terima kasih juga saya tujukan kepada kawan-kawan sekuliah kerana telah banyak berkongsi idea dan pengalaman sepanjang projek tahun akhir saya ini dijalankan.

Penghargaan khas ini juga saya ucapkan kepada semua individu dan pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menyiapkan projek tahun akhir saya ini. Segala jasa, bantuan, dan pertolongan anda tidak akan saya lupakan kerana tanpa anda semua sudah tentu penyelidikan projek tahun akhir saya ini tidak dapat dijalankan dan disiapkan dengan sempurna. Saya berdoa semoga anda semua sentiasa diberkati oleh Tuhan yang mahakuasa dan Berjaya dalam menempuh alam kehidupan.

## **ABSTRAK**

Kajian ini mengenai adat miring dalam perayaan Gawai Sandau Ari dalam masyarakat Iban di Lubok Antu. Kajian memfokuskan tentang aspek pengurusan, meneliti bahan-bahan yang digunakan dan fungsi Gawai Sandau Ari serta upacara miring dalam kehidupan masyarakat Iban. Melalui penyelidikan ini maka warisan dan budaya masyarakat Iban dapat dipelihara agar tidak pupus ditelan arus pemodenan.

## **ABSTRACT**

The study on customary sideways in Gawai Sandau Hari in the Iban community in the Lubok Antu. The study focuses on the aspects of management, examine the materials used and the functions and ceremonies Gawai Sandau Hari sideways in the life of the Iban community. Through this research, the Iban culture and heritage can be preserved in order not extinct modernization.

## **SENARAI RAJAH**

<b>RAJAH</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
Rajah 1	Kerangka Konseptual “ <i>Adat miring dalam Perayaan Gawai Sandau Hari dalam masyarakat Iban</i> ”.	7
Rajah 2	Kepetongan Kajian	15

## **SENARAI JADUAL**

<b>JADUAL</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
Jadual 1	Senarai informan yang ditemu bual	43

## SENARAI GAMBAR

<b>GAMBAR</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
Gambar 1	Petikan sebuah akhbar online iaitu (Utusan Sarawak mengenai “ <i>Upacara Miring Kekal Dipelihara</i> ”	3
Gambar 2	Peta Daerah Lubok Antu	11
Gambar 3	Rumah Panjang Nanga Delok Ulu, Batang Ai	12
Gambar 4	Rumah Panjang Tapang Pungga Ulu, Batang Ai	12
Gambar 4.2.1	Aktiviti menangkap ikan	50
Gambar 4.2.1	Upah yang diberikan kepada Indu Pemiring	51
Gambar 4.2.1	Kedudukan Penudok, Pemiau, dan Ujung Pemiau	52
Gambar 4.2.1	Ritual “ <i>Nupat Puang</i> ”	53
Gambar 4.2.2	Ritual “ <i>Bealu-alu</i> ”	55
Gambar 4.2.2	Indu Pemiring menghantar peralatan piring ke tanju	56
Gambar 4.2.2	Seorang pemiau memakai Baju Burong	57
Gambar 4.2.2	Ritual “ <i>Bebiau</i> ” dilakukan sambil membaca mantera	59
Gambar 4.2.2	Indu Pemiring meletakkan hati babi di atas pinggan	60
Gambar 4.2.3	Penghuni rumah panjang dan tetamu menjamu selera	62
Gambar 4.2.3	Ritual “ <i>Keduran</i> ” dilakukan	63
Gambar 4.2.3	Peralatan piring yang dipanggil “ <i>pulut</i> ”	65
Gambar 4.2.3	Peralatan piring dipanggil “ <i>Tumpi</i> ”	66
Gambar 4.2.3	Peralatan piring iaitu “ <i>Rendai</i> ”	67
Gambar 4.2.3	“ <i>Daun Isang</i> ” digunakan untuk membuat ketupat	68

<b>GAMBAR</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
Gambar 4.2.3	Daun pisang dijemur untuk menghasilkan “ <i>Daun Ruku</i> ”	69
Gambar 4.2.3	“ <i>Daun Sabang</i> ” digunakan untuk menghasilkan “ <i>Sungki</i> ”	70
Gambar 4.2.3	Peralatan piring yang dipanggil sebagai “ <i>Daun Kelait</i> ”	71
Gambar 4.2.3	Beras Kuning	72
Gambar 4.2.3	“ <i>Pakar</i> ” untuk ritual memandikan babi	73
Gambar 4.2.3	“ <i>Pinggai Lama</i> ” untuk meletakkan peralatan piring	74
Gambar 4.2.3	Peralatan piring yang dipanggil sebagai “ <i>Kapo</i> ”	74
Gambar 4.2.3	Peralatan piring iaitu garam, lilin dan mancis	75
Gambar 4.2.3	Pua Kumbu	76

**ISI KANDUNGAN****HALAMAN**

<b>TAJUK</b>	<b>HALAMAN</b>
<b>PENGESAHAN</b>	<b>II-IV</b>
<b>PENGAKUAN</b>	<b>V</b>
<b>PENGHARGAAN</b>	<b>VI-VII</b>
<b>ABSTRAK</b>	<b>VIII</b>
<b>ABSTRACT</b>	<b>IX</b>
<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>X</b>
<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>XI</b>
<b>SENARAI GAMBAR</b>	<b>XII-XIII</b>
<b>BAB 1 PENDAHULUAN</b>	
1.1 Pengenalan	1-2
1.2 Permasalahan Kajian	3-5
1.3 Objektif Kajian	6
1.4 Kerangka Konseptual	7-8
1.5 Skop Kajian	9-10
1.6 Lokasi Kajian	11-13
1.7 Batasan Kajian	14
1.8 Kepentingan Kajian	15-17
1.9 Masalah Yang Dihadapi Semasa Menjalankan Kajian	18

## **BAB 2 SOROTAN KESUSTERAN**

2.1 Pengenalan 19-20

Sorotan Kesusteraan 21-31

2.2 Rumusan 32

### **BAB 3 METODOLOGI KAJIAN**

3.1 Pengenalan 33

3.2 Kaedah Perpustakaan 34

3.3 Kaedah Lapangan 35

3.4 Kaedah Penyelidikan Kualitatif 35

3.4.1 Kaedah Pemerhatian 36

### 3.4.1.1 Pemerhatian Secara Terus (Direct Observation) 36

3.4.1.2 Kaedah Pemerhatian Melalui Penglibatan 36-37

#### (Participant Observation)

3.4.2 Kedah Temu Bual 37

3.4.2.1 Temu Bual Mendalam 37-38

### 3.4.2.2 Temu Bual Kumpulan Fokus 38

(Fokus Group Disscusion)

3.5 Instrumen Kajian 39-40

3.6 Rumusan 41

## **BAB 4 ANALISIS DATA DAN DAPATAN KAJIAN**

4.1 Pengenalan 42

## 4.2 Analisa Data

4.2.1 Latar Belakang Informan 43-46

4.2.2 Gawai Sandau Hari 47-48

4.3 Pengurusan Adat Miring semasa Gawai Sandau Hari dilakukan	49
4.3.1 Persediaan “Sebelum” Gawai Sandau Hari Dilakukan	49-53
4.3.2 Persediaan “Semasa” Gawai Sandau Hari Dilakukan	54-61
4.3.2 Persediaan “Selepas” Gawai Sandau Hari Dilakukan	62-63
4.4 Peralatan dan Bahan-bahan yang Digunakan Semasa Ritual Miring dilakukan	64
4.4.1 Peralatan dan Bahan-bahan untuk membuat piring untuk ritual miring semasa Gawai Sandau Hari dilakukan	65-76
4.4.2 Fungsi Ritual Miring Semasa Perayaan Gawai Sandau Hari	77-79
Yang Akan Memberi Kesan Terhadap Sistem Kehidupan Masyarakat Iban	
4.5 Dapatkan Kajian dan Perbincangan	80
4.5.1 Pengurusan Adat Miring Semasa Perayaan Gawai Sandau Hari Diadakan Menerapkan Aspek Adat, Ritual, Dan Pantang Larang Masyarakat Iban Yang Diwarisi Secara Turun-temurun	80-85
4.5.2 Peralatan Dan Bahan-bahan Yang Digunakan Untuk Membuat Piring Semasa Gawai Sandau Hari Dilakukan Mengikut Aspek Adat, Ritual, dan Pantang Larang	86-88
4.5.3 Fungsi Ritual Miring Semasa Perayaan Gawai Sandau Hari Dilakukan Yang Akan Memberi Kesan Terutamanya Terhadap Sistem Kehidupan Masyarakat Iban	89-91
<b>BAB 5 KESIMPULAN DAN CADANGAN</b>	
5.1 Kesimpulan	92-93
5.2 Cadangan	94-95

<b>GLOSARI</b>	96-103
<b>SENARAI RUJUKAN</b>	104-107
<b>SENARAI INFORMAN</b>	108-110
<b>LAMPIRAN</b>	111
Soalan temu bual bersama informan	112-113
Gambar sepanjang Gawai Sandau Hari dilakukan	114

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan

Perayaan Hari Gawai Dayak merupakan sebuah perayaan yang menjadi simbolik kepada semua masyarakat Iban di Sarawak. Masyarakat Iban akan menyambut perayaan Hari Gawai Dayak selepas tamatnya musim menuai padi pada penghujung bulan Mei setiap tahun. Perayaan Hari Gawai Dayak akan berlangsung selama satu bulan iaitu bermula pada penghujung bulan Mei sehingga berakhir pada bulan Jun. Sepanjang menyambut perayaan Hari Gawai Dayak, masyarakat Iban akan mengadakan beberapa upacara besar yang menjadi tradisi dan simbol identiti mereka iaitu *Upacara Miring*. Perayaan Hari Gawai Dayak akan berakhir dengan upacara rasmi tamatnya perayaan Hari Gawai Dayak bagi masyarakat Iban yang dipanggil sebagai *Ngiling Bidai*.

Perayaan Gawai Sandau Hari merupakan perayaan gawai yang disambut oleh masyarakat Iban yang berlangsung selama setengah hari sahaja iaitu bermula pada pukul 7.00 pagi sehingga 3.00 petang di sebuah tempat terbuka yang dipanggil sebagai *Tanju* oleh masyarakat Iban. Menurut (Peter M.Kedit), mengatakan bahawa “*Gawai Sandau Hari means “day time festival”*. *Gawai Sandau Hari was celebrated on the open air verandah tanju only during the daytime*”. Semasa Gawai Sandau Hari dijalankan, sebuah upacara ritual yang dikenali sebagai *Upacara Miring* akan dijalankan. Upacara Miring merupakan salah satu adat dan budaya yang cukup sinonim dengan kehidupan masyarakat Iban di Sarawak. Miring merupakan sebuah upacara persembahan berdoa kepada Tuhan atau *Petara* bagi memberkati kehidupan dan melindungi diri daripada sebarang ancaman.

Oleh itu, kajian ini akan memberi fokus kepada upacara miring yang diadakan semasa perayaan Gawai Sandau Hari berlangsung. Kajian ini akan dijalankan di sebuah daerah yang dikenali sebagai Daerah Lubok Antu kerana dipercayai masyarakat di daerah tersebut masih lagi mengamalkan upacara miring semasa perayaan Gawai Sandau Hari diadakan. Dalam kajian ini, penyelidik akan meneliti tentang cara pengurusan setiap peringkat upacara ritual miring dan juga peralatan atau bahan-bahan yang digunakan untuk membuat *piring* bagi tujuan persesembahan doa. Selain itu, penyelidik akan mengkaji tentang fungsi ritual tersebut terhadap sistem kehidupan masyarakat Iban. Bagi meneliti terhadap cara pengurusan ritual upacara miring tersebut, penyelidik akan melihat kepada setiap peringkat yang dilalui oleh penganjur upacara miring semasa perayaan Hari Gawai Sandau Hari diadakan. Penyelidik akan meneliti setiap peralatan dan bahan-bahan yang digunakan oleh penganjur Gawai Sandau Hari bagi tujuan upacara miring. Di samping itu, penyelidik akan melihat kepada fungsi upacara ritual yang akan memberi kesan terhadap sistem kehidupan penganjur yang mengadakan upacara ritual tersebut semasa perayaan Gawai Sandau Hari diadakan.

Dalam menjalankan kajian ini, penyelidik akan cuba mengetehahkan dan mengaplikasikan aspek pengurusan seni seperti yang telah dipelajari semasa sesi pengkuliahuan dijalankan. Hal ini kerana, melalui cara tersebut maka ianya akan dapat memberi gambaran yang jelas mengenai ritual miring semasa perayaan Gawai Sandau Hari diadakan terutamanya kepada semua lapisan masyarakat tidak kira masyarakat Iban itu sendiri atau masyarakat lain. Melalui cara tersebut juga, maka kita akan dapat melihat keaslian sesuatu identiti warisan budaya bagi masyarakat Iban yang sememangnya diwarisi oleh mereka sejak bertahun lamanya sehingga kini agar ianya tidak pupus rentetan globalisasi yang melanda negara kita pada masa kini.

## 1.2 Permasalahan Kajian

Mentaliti dan anjakan paradigma masyarakat Iban khususnya ke arah penerapan nilai warisan dan budaya di dalam kehidupan sehari-hari masyarakat Iban semakin lumpuh merentasi tahun demi tahun yang berlalu. Hal ini menyebabkan warisan budaya yang diwarisi sejak bertahun lamanya kini semakin dipinggirkan dan dilupakan sehingga menyebabkannya tidak dipraktikkan dan jarang dilakukan lagi di dalam sistem kehidupan sehari-hari mereka. Penyelidik mendapati bahawa sebuah petikan akhbar iaitu Utusan Sarawak mengenai “*Upacara Miring Kekal Dipelihara*” yang ditulis oleh Angelina Sinyang mengatakan bahawa “*Pada zaman ini, miring sudah jarang diadakan kecuali jika pelawat berkunjung ke rumah panjang atau berlaku peristiwa penting yang memerlukan upacara itu diadakan*”. Oleh itu, jelaslah disini bahawa keratan akhbar ini dapat dijadikan sebagai bukti bahawa pada masa kini upacara miring jarang dilakukan oleh masyarakat Iban.



Pada zaman dahulu, miring diadakan sebelum rombongan melancarkan ngayau' (memburu kepala musuh) atau menerokai kawasan baharu serta ketika penduduk berpindah ke rumah panjang baharu.

Istiadat miring terbahagi kepada empat tahap penggunaan piring iaitu tiga, lima, tujuh, dan sembilan.

Tiga dianggap sebagai miring biasa iaitu untuk mereka yang mengalami mimpi buruk atau apabila hendak bersawah, manakala lima piring adalah untuk mendirikan rumah panjang, tujuh piring bagi aktiviti yang lebih tinggi seperti untuk berjalan atau mengembala jauh dan sembilan piring untuk peperangan.

Keunikan upacara miring itu dianggap oleh kebanyakan pelancong yang datang melawat ke negeri ini sebagai sesuatu kebudayaan yang sungguh unik dan menarik kerana jarang terdapat di negara lain.

Pada zaman ini, miring sudah jarang diadakan kecuali jika pelawat berkunjung ke rumah panjang atau berlaku peristiwa penting yang memerlukan upacara itu diadakan.

Namun, baru-baru ini pelawat yang mengunjungi Jabatan Muzium Sarawak berpeluang menyaksikan upacara miring yang dilakukan sempena pemindahan semula empat tengkorak atau antu pala dalam bahasa Iban dari muzium itu ke tempat asalnya di Kubu Margerita di sini.

**Gambar 1:** Menunjukkan petikan sebuah akhbar online iaitu (Utusan Sarawak) mengenai “*Upacara Miring Kekal Dipelihara*”

**(Sumber:** Kajian Lapangan Penyelidik, 2017

Jika dilihat dari pengalaman yang dilalui oleh penyelidik sendiri, penyelidik mendapati bahawa pengetahuan terhadap setiap aspek berkenaan dengan adat miring semasa Gawai Sandau Hari diadakan masih kabur khususnya bagi generasi muda pada masa kini malahan penyelidik sendiri. Menurut (Peter, M.Kedit) mengatakan bahawa hal ini disebabkan oleh budaya hidup masyarakat Iban itu sendiri semakin tidak konsisten terutamanya golongan belia yang memilih gaya hidup yang lebih moden dan sekaligus kebudayaan tradisional masyarakat Iban semakin dipinggirkan.

Aspek berkenaan dengan adat miring semasa perayaan Gawai Sandau Hari yang ditekankan oleh penyelidik di sini termasuklah cara pengurusan dan juga peralatan dan bahan-bahan yang digunakan semasa upacara miring dijalankan. Oleh itu, melalui kajian ini penyelidik berharap agar ianya dapat dijadikan sebagai panduan dan dapat memberi gambaran secara umum kepada generasi muda dan penyelidik sendiri tentang adat miring semasa perayaan Gawai Sandau Hari dijalankan.

Di samping itu, penyelidik dan juga generasi muda pada masa kini masih lagi mempunyai kekurangan pengetahuan tentang fungsi upacara miring dijalankan semasa perayaan Gawai Sandau Hari terutamanya terhadap sistem kehidupan masyarakat Iban itu sendiri. Malahan, generasi muda hanya menganggap bahawa upacara miring tersebut adalah sesuatu kewajiban untuk dijalankan semata-mata tanpa mengetahui kesannya terhadap individu yang menganjurkan upacara miring tersebut khususnya semasa perayaan Gawai Sandau Hari diadakan. Hal ini juga dibuktikan daripada pendapat (Peter M. Kedit) yang mengatakan bahawa generasi muda pada masa kini tidak memahami tentang adat dan budaya Iban dengan secara mendalam terutamanya dalam upacara miring yang begitu kompleks prosesnya dan juga banyak pantang larang yang harus diamalkan.

Oleh yang demikian, melalui kajian yang dijalankan ini penyelidik berharap agar kajian ini dapat dijadikan sebagai garis panduan kepada penyelidik sendiri dan dapat memberi pendedahan secara umum khususnya kepada generasi muda, golongan masyarakat dan penyelidik seterusnya. Malahan, melalui pendokumentasian kajian ini juga dapat memelihara keaslian warisan budaya adat miring semasa perayaan Gawai Sandau Hari dengan merungkaikan segala aspek kajian. Kajian ini juga dapat dijalankan dan direalisasikan didasari atas keinginan untuk memberi gambaran yang lebih jelas terutamanya dari aspek pengurusan, penelitian peralatan dan bahan–bahan yang digunakan dan juga fungsinya terhadap sistem kehidupan masyarakat Iban itu sendiri.

### **1.3 Objektif Kajian**

Kajian terhadap upacara ritual miring semasa menyambut perayaan Gawai Sandau Hari sangat kurang dilakukan. Kebanyakkan kajian lepas lebih bertumpu kepada ritual miring semasa perayaan Gawai Kenyalang, Gawai Burong, Gawai Pangkong Tiang, dan Gawai Antu sahaja. Oleh yang demikian, ini telah mendorong penyelidik untuk mengkaji upacara ritual ini semasa perayaan Gawai Sandau Hari diadakan bagi memberi penambahan dan melengkapkan pengetahuan secara umum tentang upacara ritual ini. Penyelidik telah meletakkan beberapa objektif yang ingin dicapai di akhir kajian ini iaitu:

- I. Mengenalpasti aspek pengurusan setiap peringkat upacara miring semasa Gawai Sandau Hari diadakan dari awal hingga akhir.
- II. Mengkaji tentang peralatan dan bahan-bahan yang digunakan semasa ritual miring diadakan.
- III. Meneliti fungsi ritual miring semasa perayaan Gawai Sandau Hari yang akan memberi kesan terutamanya terhadap sistem kehidupan masyarakat Iban.